

16 MAY 2001

Ling-Pelabuhan

M'SIA MINAT SERTAI PROJEK PENSWASTAAN PELABUHAN INDIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Malaysia berminat menyertai projek penswastan pelabuhan-pelabuhan di India setelah melihat peluang terbuka luas bagi negara ini menyertai projek itu, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Katanya minat negara menceburi projek penswastan itu telah dinyatakan kepada Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee dan delegasinya yang menamatkan lawatan empat hari ke Malaysia hari ini.

"Kita tunjukkan minat kita dalam menyertai beberapa pelabuhan di India seperti Mumbai, Colathel, Tuticurin and Cochin," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Menurut Dr Ling, Malaysia melihat peluang dalam bidang itu amat cerah memandangkan India kini sedang meningkat maju.

"Ada kemungkinan kalau kita berjaya, kita dapat bekerjasama dengan mereka untuk bangunkan pelabuhan-pelabuhan itu dan saya percaya ekonomi India akan membangun pesat," katanya.

Dr Ling berkata pelabuhan memainkan peranan penting untuk melicinkan perdagangan antara India dan seluruh dunia. Seperti di negara ini, pengurusan pelabuhan yang berkesan dan cekap mampu membantu meningkatkan ekonomi negara.

Ketika ditanya bagaimana Malaysia mendapat manfaat daripada pembabitannya dengan projek pelabuhan di India, beliau berkata kementerian melihat peluang terbuka dalam operasi pengendalian kargo.

"Hanya enam hingga 10 peratus kargo yang keluar masuk daripada pelabuhan-pelabuhan di India dimasukkan dalam kontena berbanding 60 hingga 70 peratus kargo kendalian pelabuhan di negara ini," katanya.

Oleh itu, katanya peluang besar yang dilihat adalah dalam bidang pengendalian kargo menggunakan kontena, katanya.

Beliau berkata perbincangan dengan rombongan dari India itu juga menyentuh mengenai penambahan hak pendaratan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) di negara itu.

"Saya ingin ucapkan terima kasih kepada India kerana mereka menambah hak pendaratan kepada MAS di New Delhi dari dua kepada empat kali seminggu manakala ke Mumbai empat kali seminggu berbanding tiada pendaratan dibuat sebelum ini," katanya.

Dr Ling turut ditanya mengenai kemungkinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik seorang pembantu khas kaum Cina yang akan dipertanggungjawabkan untuk memaklumkan kepadanya (Dr Mahathir) mengenai hal ehwal yang berlaku di kalangan penduduk Cina di negara ini.

"Mungkin Dr Mahathir memerlukan seorang yang fasih dalam bahasa Cina supaya dia dapat memantau berita yang disiarkan dalam akhbar-akhbar berbahasa Cina," katanya.

Sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris hari ini melaporkan bahawa Dr Mahathir mungkin melantik buat pertama kali seorang setiausaha akhbar keturunan Cina.

Mengenai sebilangan pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mendapat tawaran memasuki universiti, Dr Ling berkata mesyuarat kabinet hari ini membincangkan panjang lebar mengenai perkara itu.

"Usaga sedang dilakukan untuk menempatkan seramai mungkin (ke universiti tempatan)," katanya.

"Tetapi saya suka menyatakan bahawa ramai di kalangan mereka mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri," katanya.

-- BERNAMA
NZ AHH LAT